

# Lawatan Julung Kali Naib Canselor Wanita Pertama Universiti Teknologi Mara (UiTM) ke Kampus Mukah Suntik Semangat Warga Kampus Dalam Mencapai Status Universiti Terkemuka Dunia 2025 (GRU2025)

Disediakan oleh  
Yahutazi Chik



Sesi "Berloyar Dengan VC" bersama Naib Canselor Universiti Teknologi MARA bersama warga UiTM Kampus Mukah, Sarawak

UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah telah menganjurkan program Berloyar Dengan VC bersempena dengan lawatan rasmi julung kali Profesor Datuk Teknologis (Ts.) Dr. Hajah Roziah Mohd Janor, Naib Canselor Universiti Teknologi MARA (UiTM) ke Kampus Mukah sejak kampus baharu tersebut mula beroperasi secara rasmi pada 16 November 2015. Kunjungan Profesor Datuk Teknologis (Ts.) Dr. Hajah Roziah Mohd Janor ke UiTM Kampus Mukah turut disertai oleh Profesor Dato Dr. Jamil Hj. Hamali, Rektor UiTM Cawangan Sarawak; Profesor Teknologis (Ts.) Dr. Nor Hayati Saad, Penolong Naib Canselor (Strategi) Universiti Teknologi MARA; pengurusan kanan UiTM Cawangan Sarawak dan juga rombongan daripada UiTM Shah Alam. Ketibaan beliau di Dewan Sri Balau, UiTM Kampus Mukah disambut meriah dengan tarian selamat datang oleh pelajar-pelajar UiTM Kampus Mukah yang merangkumi pemakaian kostum pakaian pelbagai etnik di Sarawak serta berlatar belakangkan muzik iringan tradisional Melanau yang begitu sinonim dengan Mukah.

Program yang berlangsung secara santai dan bersahaja serta memukau hadirin dengan jenaka Naib Canselor UiTM secara bersahaja telah menerima pertanyaan daripada wakil pelajar dan staf akademik yang telah membincangkan beberapa perkara dan perkongsian tentang idea untuk meningkatkan lagi kewujudan atau *visibility* UiTM Kampus Mukah sebagai satu-satunya universiti awam di zon tengah wilayah Sarawak. Antara perkongsian beliau semasa sesi Berloyar Dengan VC tersebut adalah untuk menjadikan UiTM Kampus Mukah sebagai pusat penyelidikan dan kecemerlangan yang bakal menerima kunjungan penyelidik-penyelidik bukan sahaja dari dalam negara malah turut membuka peluang kepada kolaborasi penyelidikan bersama penyelidik-penyelidik peringkat antarabangsa seperti dalam bidang industri farmaseutikal berdasarkan tumbuhan herba di Sarawak dan juga melibatkan kajian dan penyelidikan berkaitan komputer yang melibatkan *Internet of Things* (IoT) serta *artificial intelligent* (AI) yang boleh digunakan dengan meluasnya di dalam sektor pertanian pintar dan yang seumpamanya. Dalam sesi tersebut juga,

beliau memberikan kata-kata semangat dan motivasi kepada warga UiTM Kampus Mukah untuk melihat UiTM Kampus Mukah lebih menyerlah lagi di masa akan datang selaras dengan pelan strategik UiTM untuk menjadi universiti terkemuka dunia menjelang tahun 2025 atau *Globally Renowned University 2025* (GRU 2025).

Lawatan julung kali Naib Canselor Universiti Teknologi MARA tersebut ke UiTM Kampus Mukah ini sungguh bermakna kerana beliau merupakan Naib Canselor wanita pertama yang pernah dilantik menyandang jawatan tersebut sejak 65 tahun institusi ini diwujudkan. Program yang turut dihadiri oleh warga UiTM Kampus Mukah yang terdiri daripada staf akademik dan staf pentadbiran, pelajar-pelajar UiTM Kampus Mukah dan turut disertai oleh pelajar-pelajar Diploma Kemahiran Mutawwif Umrah dan Ziarah, *Professional Mutawwif Development International College* (PMIDIC). Disamping sesi bual bicara "Berloyar Dengan VC", pengisian program turut melibatkan lawatan berkaitan pameran STEM serta pencapaian penyelidikan dan inovasi oleh pensyarah-pensyarah UiTM Kampus Mukah yang telah memenangi pelbagai

pingat dan anugerah daripada pertandingan inovasi dan KIK diperingkat kebangsaan dan antarabangsa. Selepas itu, beliau turut berpeluang untuk menanam seponoh anak pokok pain bintang (*Araucaria heterophylla*) di perkarangan hadapan Dewan Sri Balau, UiTM Kampus Mukah serta melepaskan anak ikan ke dalam kolam di Pusat Akua dan Agrotek sebagai simbolik lawatan julung kalinya beliau ke UiTM Kampus Mukah. Majlis berakhir dengan beliau merasmikan pelancaran bank makanan (foodbank) UiTM Kampus Mukah serta menyampaikan sumbangan bulak makanan daripada bank makanan UiTM Kampus Mukah kepada pelajar-pelajar UiTM Kampus Mukah yang terpilih. Dalam majlis tersebut juga, beliau telah menyaksikan penyampaian cek sumbangan dana bank makanan UiTM Kampus Mukah yang telah disampaikan kepada Profesor Madya Dr. Saimi Bujang, Penolong Rektor UiTM Kampus Mukah daripada KP Mukah Development Sdn Bhd melalui GFM Services Berhad berjumlah RM2000 serta daripada Unit Zakat, Sedekah dan Wakaf UiTM Cawangan Sarawak berjumlah RM1000.



Penanaman anak pokok anak pokok pain bintang (*Araucaria heterophylla*) sebagai simbolik kenangan lawatan julung kali Naib Canselor UiTM ke UiTM Kampus Mukah